



Siaran Media
(UNTUK SIARAN SEGERA)
KHAMIS, 15 SEPTEMBER 2016

Berbasikal di Lebuhraya LATAR sambil menikmati keindahan Kuala Selangor – Kayuhan Sihat 99KM LATAR

KUALA LUMPUR, 15 Sept 2016; Lebuhraya sentiasa menjadi tempat yang terbaik bagi perjalanan setiap kenderaan bermotor, namun ianya bukanlah tempat yang selamat bagi para pelumba basikal. Hari ini buat julung-julung kalinya, Lebuhraya LATAR memberi peluang kepada semua pelumba basikal untuk merasai kehebatan berbasikal di atas lebuhraya.

Bagi memberi peluang tersebut, Lebuhraya LATAR akan ditutup sementara pada hari Ahad 25 September 2016 sekaligus menjadikan Lebuhraya LATAR yang kedua selepas LEKAS (Lebuhraya Kajang-Seremban) yang berbuat demikian bagi membenarkan para pelumba berlumba di atas lebuhraya secara selamat.

Menteri Kerja Raya Malaysia Dato' Haji Fadhilah Yusof dan Ahli Parlimen Kuala Selangor Dato' Sri Dr Hj Irmohizam Hj Ibrahim antara kenamaan yang akan turut serta bersama 1,800 pelumba bagi acara tersebut.

Semasa sidang media, Ketua Pegawai Operasi KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (Lebuhraya LATAR), En Ahmad Fuad Ahmad Shahimi berkata semua persediaan telah hampir siap dan hanya menunggu masa bagi pelaksanaan acara yang julung julung kali ini diadakan.

Tambah beliau, para pelumba akan memulakan kayuhan seawal 7.00 pagi di Kompleks Operasi LATAR menuju ke arah Kuala Selangor dan peserta terawal dijangka akan tiba pada jam 9.45 pagi.

Laluan bermula di Kompleks Operasi LATAR menuju ke Persimpangan Ijok dan peserta akan terus bergerak menuju Jalan Kuala Selangor ke Bukit Rotan dan tiba di Persimpangan Assam Jawa. Selepas itu, pelumba akan bergerak menuju ke Jeram dan menghampir Balai Polis Jeram untuk membelok ke Jalan Simpang Tiga Jeram, Jalan Lambourne dan Jalan Balai Raya sebelum sampai ke Jalan Merbau.

Seterusnya kumpulan pelumba akan meneruskan perlumbaan melalui Jalan Parit Mahang dan keluar semula ke Jalan Kuala Selangor untuk membelok masuk ke kiri menuju Lebuhraya untuk pecutan terakhir. Para pelumba akan berlumba hingga ke tol plaza Taman Rimba Templer dan membuat pusingan U bagi penamatan di Kompleks Operasi LATAR.

Ahli Parlimen Kuala Selangor Member, YB Dato' Sri Dr Hj Irmohizam Hj Ibrahim pula berkata sejak LATAR dibuka bermula pada tahun 2011, ia telah membantu dari segi jaringan perjalanan yang lebih mudah dan cepat bagi para penduduk Kuala Selangor khasnya dan secara am kepada para pelancong tempatan mahupun luar negara untuk menikmati keindahan Kuala Selangor seperti merasai kelazatan hasil laut, keindahan pantai seperti Pantai Remis di Jeram dan sawah padi di Sekinchan.

Manakala Pengarah Eksekutif LATAR, En Matthew Tee yang juga merupakan Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri Holdings Bhd, sebagai salah satu pemegang saham dalam syarikat konsesi Lebuhraya LATAR, selari dengan komitmen untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi para pengguna, perlumbaan ini akan turut menyaksikan perlumbaan yang lancar bagi para pelumba lebuhraya.

Selain daripada mempromosikan gaya hidup yang sihat, setiap dari RM100 kutipan yuran para pelumba, RM2 akan didermakan kepada rumah badan kebajikan atau anak yatim di Kuala Selangor. Selain itu acara ini juga dapat memberi peluang pelumba untuk beramah mesra bukan sahaja dikalangan mereka tetapi juga ahli keluarga mereka.

“Kami menyokong acara berbasikal ini dan diharapkan melalui perlumbaan ini akan mewujudkan lebih ramai wira basikal seperti Azizulhasni Awang yang telah mengharumkan nama Malaysia di Rio baru-baru ini”.

Pengarah Urusan Straco Ventures Sdn Bhd Robert Kau berkata sambutan bagi acara ini sangat menggalakkan dan menarik perhatian pelumba dari pelbagai kelab lumba basikal dalam negeri mahupun luar negara seperti enam negara seperti Australia, Taiwan, Japan, Thailand, UK dan Norway.

Beliau turut berkata acara ini turut menarik perhatian para pelumba kebangsaan untuk turut menyertai acara tersebut. Para peserta dijangka tiba dalam masa 90 minit selepas kayuhan.

HADIAH

Hadiah yang menarik seperti wang tunai hingga RM27,600 telah disediakan bagi para pelumba. Selain daripada itu hadiah-hadiah lain berupa pingat penamat acara.

Lima hadiah disediakan bagi enam kategori kayuhan (Mountain Bike dan Road Bike)

Pemenang	Hadiah
1) Juara	RM300 dan Straco Special Designed Trophy
2) Tempat ke dua	RM200 dan Straco Special Designed Trophy
3) Tempat ke tiga	RM100 dan Straco Special Designed Trophy
4) Tempat ke empat	Straco Special Designed Trophy
5) Tempat ke lima	Straco Special Designed Trophy

Kategori kayuhan adalah Men Junior (15-19 tahun), Men Open (20-34 tahun), Men Junior Master (35-45 tahun), Men Senior Master (46-55 tahun), Men Otai (56 tahun ke atas) and Women Open (15 tahun dan ke atas).

PENUTUP SEMENTARA JALAN DAN JALAN ALTERNATIF

Penutupan Sementara Lebuhraya LATAR

Ketua Pegawai Operasi KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (Lebuhraya LATAR), En Ahmad Fuad Ahmad Shahimi berkata Lebuhraya LATAR akan ditutup sementara mulai jam 3.00 pagi secara berperingkat dan jam 5.00 pagi secara penuh hingga jam 1.00 tengahari. Walau bagaimana pun “semua kenderaan kecemasan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai seperti ambulan, bomba, polis dibenarkan melalui LATAR sepanjang waktu penutupan sementara, namun mereka harus berhati hati dengan kehadiran para pelumba di Lebuhraya LATAR.

Penutupan Sementara Jalan Persekutuan

Ketua Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti IPD Kuala Selangor, ASP Pirabakaran A/L Muniandy berkata penutupan sementara di Federal Route (FT54) di Jalan Kuala Selangor-Kepong dari Persimpangan Ijok menuju Simpang Tiga Assam Jawa di antara jam 7.00 pagi hingga 10.00 pagi bagi memberi laluan kepada para pelumba menuju ke Jalan Simpang Tiga Jeram.

Selain daripada itu, penutup sementara sebahagian Federal Route (FR5) Jalan Klang-Teluk Intan dari Simpang Tiga Assam Jawa ke Simpang Tiga Jeram bagi para pelumba untuk meneruskan perlumbaan ke arah Jalan Lambourne, Jalan Balai Raya, Jalan Merbau menghala ke Jalan Parit Mahang dan masuk semula ke Lebuhraya LATAR Expressway melalui Persimpangan Ijok.

Laluan Alternatif

Laluan alternatif bagi Jalan FT54 di mana orang ramai dan pengguna jalanraya boleh menggunakan laluan seperti berikut:

Pengguna dari Ijok menuju ke Kuala Selangor boleh menggunakan laluan alternatif Jalan Bukit Badong menghala ke Jalan Rawang-Bestari Jaya (di pekan Kuala Selangor) dan terus masuk ke jalan FR 5 (Jalan Klang – Teluk Intan) di pekan Kuala Selangor.

Manakala pengguna dari Klang dan Kuala Selangor yang mahu menuju ke Ijok boleh melalui Jalan Rawang-Bestari Jaya di pekan Kuala Selangor menuju Jalan Bukit Badong untuk tiba ke pekan Ijok.

ASP Pirabaharan A/L Muniandy menasihatkan para pengguna untuk mematuhi arahan pihak berkuasa dan menggunakan laluan alternatif ke destinasi masing masing.

Senarai Penaja LATAR 99km Healthy Ride:

Penaja Lokasi Acara	KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (LATAR Expressway)
Penaja Tunai	KLK Land Sdn Bhd
Penaja	Bina Puri Holdings Berhad & Rafulin Holdings Bhd
	JAKROO Malaysia
	One Cycling Industries
	Storck Malaysia
	720 Armour
	Cycling Magazine Malaysia
	Bikeaway.com
	XDS
	N8 Sport Nutrition
	Aristo Café
	Re-Claim Sports Insurance

-tamat-

About LATAR



ABOUT KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY BERHAD

The 33 km LATAR Expressway links Kuala Lumpur and Kuala Selangor. Along the way, its four interchanges also adds to the connectivity of several townships such as Kuala Selangor, Assam Jawa, Ijok, Bestari Jaya (Batang Berjuntai), Kota Puteri, Puncak Alam, Shah Alam, Bukit Jelutong, Sungai Buloh, Kundang, Rawang and Selayang as well as allow for a faster, safer choice to the cities of Petaling Jaya and Kuala Lumpur from these townships.

KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) is the concessionaire for the KL-Kuala Selangor Expressway (LATAR Expressway). The Company, formerly known as Lebuhraya Assamjawa Taman Rimba Bhd ('LATAR'), was incorporated in 1996. KLSEB is a subsidiary of Bina Puri Holdings Berhad (50%) and Rafulin Holdings Sdn Bhd through its wholly-owned subsidiary Arena Irama Sdn Bhd (50%).

Construction of the LATAR KL-Kuala Selangor Expressway commenced in 2008 when a supplemental concession agreement was signed on 28 February 2008 with the Ministry of Works representing the Government of Malaysia. The LATAR Expressway was completed five months ahead of schedule, and was duly opened on June 23, 2011 by YB Dato' Shaziman bin Abu Mansor, Minister for the Ministry of Works.


The Company has a 40-year concession on the LATAR Expressway. The concession was awarded on a Build-Operate-Transfer (BOT) scheme in which the Company is responsible to finance, design, construct, operate and maintain the expressway.

Enquiries

KL-Kuala Selangor Expressway Berhad

Contact : Surati Sujor / Hairunnisa Kastolany
 Email : surati@binapuri.com.my / hairunnisa@latar.com.my
 Tel. : 03-6136 3333/03-6145 1500
 Fax : 03-6136 9999/03-6145 1400

About Event Organiser - Straco Ventures Sdn Bhd

 Straco Venture Sdn Bhd is established in 2015 to take on organising outdoor activities like cycling and running. They have successfully organised the Straco KOM Kuala Kubu Bahru Combo Ride and Straco XC MTB Jamboree Charity Ride and Run recently.

Straco Venture Sdn Bhd

Contact : Becky Chua
 Email : becky.straco@gmail.com
 H/P : 019 338 8797



LATAR 99km KUALA-SELANGOR

Healthy Ride



Ahad

25 September 2016


3 Pagi - 1 Petang

LALUAN ALTERNATIF SEMASA PENUTUPAN SEMENTARA LEBUHRAYA LATAR SEMPENA LATAR 99KM HEALTHY RIDE

Penutupan Berperingkat: 3 pagi - 5 pagi • Penutupan Penuh: 5 pagi - 1 petang

PETUNJUK

- Lajuan Masuk Ke Lebuhraya LATAR
- Penutupan Lebuhraya Latar
- Plaza Tol
- Lebuhraya lain
- Jalan Persekutuan / Bandaran



PERSIMPANGAN	DARI	DESTINASI	LALUAN ALTERNATIF
 PERSIMPANGAN IJOK	Kuala Selangor	Kuala Lumpur	Jalan Kuala Selangor/Kepang (FT54) - Lebuhraya GCE - Lebuhraya PLUS
	Kuala Selangor	Rawang	Jalan Kuala Selangor/Kepang (FT54) - Lebuhraya GCE - Lebuhraya PLUS
	Ijok	Kuala Lumpur	Jalan Kuala Selangor/Kepang (FT54) - Lebuhraya GCE - Lebuhraya PLUS
 PERSIMPANGAN PUNCAK ALAM	Kuala Selangor	Kuala Lumpur	Jalan Kuala Selangor/Kepang (FT54) - Lebuhraya GCE - Lebuhraya PLUS
	Kuala Selangor	Rawang	Jalan Kuala Selangor/Kepang (FT54) - Lebuhraya GCE - Lebuhraya PLUS
	Sungai Buloh/Puncak Alam	Kuala Lumpur	Jalan Kuala Selangor/Kepang (FT54) - Lebuhraya GCE - Lebuhraya PLUS
 PERSIMPANGAN KUNDANG	Task Biru Kundang	Kuala Lumpur	Jalan Kundang (B149) - Jalan Lagong (B29) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang)
	Task Biru Kundang	Rawang	Jalan Kundang (B149) - Jalan Lagong (B29) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Rawang
	Bandar Baru Kundang	Kuala Lumpur	Jalan Kundang (B149) - Jalan Lagong (B29) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang)
 PERSIMPANGAN KUANG	Bandar Baru Kundang	Rawang	Jalan Kundang (B149) - Jalan Lagong (B29) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Rawang
	Lebuhraya Guthrie (GCE)	Rawang	Lebuhraya PLUS (Tol Rawang Selatan) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang)
	Lebuhraya Guthrie (GCE)	Kuala Selangor	Lebuhraya PLUS (Pusingan U di Tol Rawang Selatan) - Lebuhraya GCE (Persimpangan Paya Jaras)
 PERSIMPANGAN TEMPLER	Lebuhraya Uthra-Selatan (PLUS)	Kuala Lumpur	Lebuhraya GCE (Persimpangan Paya Jaras) - Jalan Kuala Selangor/Kepang (FT54)
	Lebuhraya Uthra-Selatan (PLUS)	Rawang	Lebuhraya GCE (Pusingan U sebelum Plaza Tol Lagong) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang Selatan) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang)
	Selayang	Kuala Lumpur	Jalan Rawang (F11) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang/Jalan Kuching)
 PERSIMPANGAN TEMPLER	Selayang	Kuala Selangor	Jalan Rawang (F11) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang) - Lebuhraya Guthrie (Persimpangan Rawang Selatan) - Lebuhraya GCE (Persimpangan Paya Jaras)
	Rawang	Kuala Lumpur	Jalan Rawang (F11) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang/Jalan Kuching)
	Rawang	Kuala Selangor	Jalan Rawang (F11) - (Jalan Rawang-Bestari Jaya (B27)) - Lebuhraya PLUS (Tol Rawang) - Lebuhraya GCE (Persimpangan Rawang Selatan) - Lebuhraya GCE (Persimpangan Paya Jaras)